

INFO ZAKAT

KELUARAN 3/2022



EDARAN PERCUMA



**RM3 JUTA
DISALUR UNTUK PERABOT
SEKOLAH AGAMA ISLAM PULAU PINANG**

"Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela"

Dapatkan maklumat berkaitan Zakat Pulau Pinang,
(MAINPP) di pelbagai medium rasmi kami:

zakatpenang

04-549 8088



Laman web rasmi:
zakatpenang.com



Portal pengguna:
zakatpenang2u.com



RM3 JUTA DISALUR UNTUK PERABOT SEKOLAH AGAMA ISLAM PULAU PINANG

KUALA MUDA : Satu Majlis Simbolik Penyampaian Perabot Sekolah-Sekolah Agama Islam Pulau Pinang Tahun 2022 telah berlangsung di KAFA Madrasah Al-Saadah, Kuala Muda, Seberang Perai Utara.

Majlis telah disempurnakan oleh YB Dato Ir Haji Ahmad Zakiyuddin bin Haji Abd Rahman, Ketua Menteri 1 Pulau Pinang merangkap Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Turut hadir, Pemangku Pengarah JHEAIPP, Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab dan Pengurus Bahagian Institusi & Pendidikan Zakat Pulau Pinang, Ustaz Mohd Rosdan bin Mohamad.

Sebanyak 61 buah sekolah telah menerima peruntukan bekalan perabot melibatkan peruntukan sebanyak RM3 juta, yang telah disalurkan oleh Zakat Pulau Pinang.



Hasil kolaborasi di antara Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang dan Zakat Pulau Pinang ini bakal memberi manfaat kepada seramai 6,339 orang pelajar dan 1,423 orang guru Sekolah-Sekolah Islam Pulau Pinang.

Dalam pada itu, Guru Besar Madrasah Al Saadah, Ustaz Ahmad Ridwan bin Hamid ketika ditemui turut merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada para pembayar Zakat Pulau Pinang yang sekaligus telah menyumbang kepada pembangunan pendidikan Islam di negeri Pulau Pinang.

Terima kasih pembayar Zakat Pulau Pinang.



HIMPUNAN ILTIZAM KHAIRA UMMAH 2030 (ILTIZAMKU2030) SIRI 2

BUTTERWORTH : Himpunan Iltizam Khaira Ummah 2030 (ILTIZAMKU2030) kali kedua telah berlangsung dengan jayanya. Tuan rumah kali ini adalah Teras Ekonomi yang diterajui oleh gandingan Zakat Pulau Pinang dengan kerjasama Kompleks Darul Hidayah, Permatang Tok Gelam.

Seramai 125 orang wakil kontinjen daripada 12 agensi pentadbiran Islam berkumpul dan menyatakan ikrar untuk terus bersama mendokong agenda perancangan strategik pembangunan 10 tahun umat Islam Pulau Pinang. Selain amanat dan ikrar kontinjen, majlis turut diserikan dengan pelancaran aplikasi *maiZAKAT*, penyampaian sumbangan asnaf (saudara kita) dan juga pelancaran lagu rasmi Khaira Ummah 2030. Insya Allah siri ketiga akan dihoskan oleh Teras BAITI JANNATI bertempat di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang.

Semoga himpunan yang diadakan secara berkala ini akan menjadi pembakar semangat dan iltizam kepada semua pendokong Khaira Ummah 2030 untuk menjayakan cita-cita murni ini.



BANK RAKYAT TUNAI ZAKAT


SERI MUTIARA : TYT Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang menyaksikan majlis akad serta penyerahan zakat perniagaan Bank Rakyat yang berjumlah RM592,974.00 oleh YBhg. Dr. Mohammad Hanis bin Osman, Ketua Pegawai Eksekutif Bank Rakyat kepada YB. Dato' Ir. Hj. Ahmad Zakiyuddin bin Abd Rahman, Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang merangkap Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dan Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah, Zakat Pulau Pinang (ZPP).

TYT Tun turut menyaksikan penyerahan sumbangan tajaan biasiswa Bank Rakyat yang berjumlah RM860,000.00 oleh YBhg. Dr. Mohammad Hanis Osman kepada YBhg. Dato' Dr. Roslan Ahmad, Pengerusi Lembaga Pengarah Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB).



Sumbangan tajaan biasiswa ini bertujuan membantu pelajar-pelajar lepasan diploma KITAB bagi melanjutkan ijazah sarjana muda ke The World Islamic Sciences Education University (WISE) Amman, Jordan.

Turut hadir ialah Sahibus Samahah Dato' Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor, Mufti Pulau Pinang, YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid, Rektor Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB), YBhg. Dato' Amran bin Hazali, Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang, Encik Ahmad Shahril bin Mohd Shariff, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perniagaan Bank Rakyat serta dif-dif jemputan.



KUMPULAN SYARIKAT USAINS HOLDING TUNAI ZAKAT PERNIAGAAN

BERTAM : Kumpulan Syarikat USAINS Holding hari ini telah mengadakan Majlis Penyampaian Sumbangan Zakat Usains Kepada Zakat Pulau Pinang, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Sumbangan zakat Kumpulan Syarikat USAINS tersebut dibuat melalui dua anak syarikat milik penuh USAINS Holding, iaitu Usains Tech Services Sdn Bhd dan Usains Tech Capital Sdn Bhd. Zakat tersebut disampaikan oleh YBhg Datuk (Dr.) Habsah Hashim, Pengurus Usains Holding Sdn. Bhd. kepada Yrs. Encik Mohd Kairi Ghazalli, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi), Zakat Pulau Pinang.

Usains Tech merupakan syarikat yang mengendalikan Executive Health Services di Hospital USM di Kubang Kerian, Kelantan dan juga, Pusat Perubatan USM (dahulunya dikenali sebagai IPPT) di Bertam, Kepala Batas. Manakala, Usains Tech Capital® merupakan sebuah syarikat pelaburan, yang antaranya menjalankan perniagaan parkir di Hospital USM dengan kerjasama sebuah syarikat tempatan.

Zakat Pulau Pinang telah memperkenalkan Skim Wakalah iaitu dasar pengembalian wang zakat oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang kepada entiti yang membayar zakat kepada Zakat Pulau Pinang untuk diagihkan kepada asnaf yang layak. Dengan itu, kumpulan Syarikat USAINS yang merupakan cabang komersil USM bersama Zakat Pulau Pinang akan bekerjasama untuk mengagihkan kembali wang yang diterima melalui Skim Wakalah ini kepada golongan asnaf dalam kalangan staf dan pelajar USM.

LEMBAGA TABUNG HAJI (TH) TUNAI ZAKAT

SERI MUTIARA : Zakat Perniagaan tersebut diserahkan oleh Pemangku Pengarah Eksekutif Operasi Lembaga Tabung Haji (TH), Mohamed Ameen S.M.A Abdul Wahab kepada Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) merangkap Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang, YB Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Abd Rahman dengan disaksikan oleh TYT Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

Dalam majlis yang sama, Zakat Pulau Pinang turut menyalurkan bantuan tahunan kepada Kompleks Darul Hidayah, Darul Hanan Pulau Pinang serta Jabatan Kerja Sosial Perubatan Hospital Pulau Pinang.

Turut hadir, Timbalan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Dato' Dr. Roslan Ahmad, Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim Wan Mohd Noor, Setiausaha Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Dato' Haji Samsudin Bakar, Ahli-ahli Lembaga Pengarah Zakat Pulau Pinang (ZPP) serta pegawai-pegawai pengurusan ZPP.

Semoga Allah merahmati serta melimpahkan keberkatan ke atas perniagaan yang dijalankan oleh pihak Lembaga Tabung Haji.



MIDF WILAYAH UTARA TUNAI ZAKAT

SEBERANG JAYA : Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) Wilayah Utara Tunai Zakat Perniagaan. Zakat Perniagaan bagi tahun 2021 yang berjumlah RM100,000 itu diserahkan sendiri oleh Tan Sri Abdul Rahman Mamat, Pengurus MIDF Berhad dalam satu majlis berlangsung baru - baru ini di MIDF Wilayah Utara, Bandar Sunway, Seberang Jaya. Terima kasih MIDF Berhad. Semoga Allah menerima ibadah zakat yang ditunaikan serta memberkati seluruh warga MIDF Berhad.



MAJLIS PENYERAHAN KUNCI RUMAH PROGRAM MyHAUS 2022



BUTTERWORTH :

Program MyHAUS ini merupakan inisiatif yang digerakkan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) sebagai agensi perantara Kerajaan Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) di dalam memperkasa dan memajukan pembangunan sosio-ekonomi ummah dalam sistem kewangan sosial Islam seperti zakat dan wakaf melalui kerjasama erat dengan Pihak Berkuasa Agama Negeri-negeri dan agensi serta syarikat korporat yang berkaitan.

Program kali ini merupakan kerjasama strategik antara Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Zakat Pulau Pinang (ZPP) menerusi Program MyHAUS iaitu satu program membina dan membaik pulih rumah bagi golongan asnaf dan B40 yang dilaksanakan di seluruh Malaysia.

Replika kunci Rumah Program MyHAUS hari ini telah diserahkan oleh YBhg. Dato' Selamat Paigo, Ketua Pengarah JAWHAR. 2 orang penerima tersebut adalah Pn. Norazizah Abdull dari Permatang Pak Elong dan En. Mohd Zairuddin Abd Aziz dari Pokok Sena.

Turut menyaksikan penyerahan replika kunci tersebut, Dato' Amran Hazali, Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang, MAINPP, En Ku Abdul Razak Ku Ismail, Pengurus State Stakeholders Affair, Tenaga Nasional Berhad dan Prof. Madya Dr. Amir Shaharuddin, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Waqaf Malaysia.

Turut hadir, En. Mohd Yusof Hamid, Penghulu Tinggi, Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara.



Bertemu Peniaga Di PASAR AWAM CHOWRASTA

GEORGETOWN : Bahagian Dakwah Korporat ZPP baru-baru ini ke Pasar Awam Chowrasta untuk bertemu rakan-rakan peniaga di sana bagi berkongsi kaedah kiraan Zakat Perniagaan yang betul sekaligus menggalakkan para peniaga menjadi pembayar zakat di Zakat Pulau Pinang. Semoga program sebegini memberi manfaat besar kepada rakan-rakan peniaga di Pasar Awam Chowrasta serta para asnaf yang memerlukan.



LAWATAN KE UITM CAWANGAN MELAKA

MELAKA : Rombongan Bahagian Keusahawanan, Zakat Pulau Pinang (ZPP) diketuai Encik Mohamad Kairi Ghazali, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Operasi ZPP terlebih dahulu melakukan kunjungan hormat kepada Rektor UiTM Cawangan Melaka, Prof Madya Ts Dr Mohd Rasdi Zaini. Rombongan ZPP kemudiannya bertemu Dr Nur Hayati Abd Rahman, Timbalan Rektor Penyelidikan dan Jaringan Industri, UiTM Cawangan Melaka untuk lawatan ke Desa Kelulut dan taklimat berkenaan penternakan kelulut. Semoga dengan lawatan ini, dapat memberi manfaat besar buat para asnaf di negeri Pulau Pinang.



RUMAH SKIM INAPAN KASIH (SIK) ZAKAT PULAU PINANG

BUKIT MERTAJAM : Satu Majlis Serahan Rumah Skim Inapan Kasih (SIK) Zakat Pulau Pinang, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang telah diadakan di ibu pejabat Zakat Pulau Pinang baru-baru ini.

Dalam majlis tersebut, Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, Dato' Amran Hazali telah menyerahkan kunci rumah Skim Inapan Kasih kepada 9 buah keluarga yang layak.

Dato' Amran Hazali berkata, Skim Inapan Kasih merupakan salah satu bantuan yang penting dalam skim agihan yang meliputi skim Baik Pulih Rumah dan skim Bina Rumah bagi asnaf fakir dan miskin di Pulau Pinang.

Menurutnya lagi, kos binaan rumah Skim Inapan Kasih terkini adalah di antara RM67,200 hingga RM72,000.



Objektif utama Skim Inapan Kasih ini ialah sebagai salah satu penyelesaian masalah miskin tegar di negeri Pulau Pinang dengan menyediakan kediaman baharu kepada asnaf fakir dan miskin.

Dalam pada itu, Dato' Amran Hazali berkata untuk tahun ini, ZPP telah meluluskan sebanyak 58 buah rumah untuk dibaik pulih.

Katanya, sebahagian besar telah siap dan selebihnya dapat disiapkan sehingga hujung tahun ini yang menelan belanja keseluruhan sebanyak RM1.294 juta.

Kos keseluruhan pembinaan rumah Skim Inapan Kasih bagi tahun 2022 adalah berjumlah RM1.623 juta.

Terima kasih pembayar Zakat Pulau Pinang.



GEORGETOWN : Zakat Pulau Pinang, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang sedang dalam usaha untuk menerbitkan sebuah buku soal jawab zakat agar boleh dimanfaatkan oleh umat Islam di negeri Pulau Pinang khususnya.

Sehubungan itu, Bengkel Buku Soal Jawab Zakat Bersama Pakar Hukum telah diadakan selama 3 hari bermula 26 September sehingga 28 September 2022.

Antara pakar yang hadir dan menyumbang buah fikiran dalam bengkel ini adalah, Timbalan Mufti Negeri Pulau Pinang, Ahli-ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, Ahli Jawatankuasa Penyelidikan ZPP, Ketua Penolong Mufti Negeri Pulau Pinang, Penolong Mufti Unit Buhuth, Penolong Mufti Unit Istiqamah, Penyelidik Unit Buhuth, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang serta pegawai-pegawai Bahagian Dakwah, Jabatan Operasi Kutipan, Zakat Pulau Pinang.

Dengan adanya Buku Soal Jawab Zakat ini, diharap akan dapat memberi manfaat besar buat umat Islam khususnya di Pulau Pinang.

ZPP TERIMA KUNJUNGAN PPZ



BANDAR PERDA : Baru-baru ini Zakat Pulau Pinang telah menerima kunjungan hormat daripada Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP). Delegasi diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif PPZ, Tn Haji Abdul Hakim Amir Osman dan disertai beberapa pegawai kanan PPZ yang lain.

Kunjungan berkenaan bertujuan bagi melihat pengalaman ZPP dalam menguruskan kutipan zakat fitrah dan pengurusan wakaf di Pulau Pinang.

Turut serta, Ketua Pegawai Operasi Wakaf Pulau Pinang, Encik Mohd Hafizudin Sirajudin yang dijemput bagi membentangkan tentang kaedah pengurusan wakaf di negeri Pulau Pinang.



LAWATAN DARI MEDECINS SANS FRONTIERES (MSF)

BANDAR PERDA : Zakat Pulau Pinang (ZPP) menerima lawatan dari Medecins Sans Frontieres (MSF), sebuah pertubuhan kemanusiaan antarabangsa yang menyampaikan bantuan kemanusiaan perubatan kecemasan yang menyelamatkan nyawa khusus bagi mereka yang terkesan dengan konflik bersenjata, wabak, pandemik, bencana alam dan terpinggir daripada penjagaan kesihatan.

Kunjungan ini diketuai oleh Dr. Elnur Salihovic, Pengurus Pejabat Zakat Komuniti Islam Bosnia and Herzegovina yang juga Pengurus Projek di MSF. Lawatan ini bertujuan bagi melihat potensi kolaborasi antara ZPP dan MSF demi manfaat ummah.



WAKIL KUTIPAN ZAKAT PULAU PINANG DIRAIKAN



PERAI : Satu Majlis Hi-Tea Wakil Kutipan Zakat Pulau Pinang, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) telah diadakan di Hotel Ixora, Perai.

Tujuan majlis ini diadakan adalah bagi meraikan wakil-wakil kutipan yang berdaftar dengan Zakat Pulau Pinang (ZPP). Sebanyak 20 wakil kutipan yang terdiri daripada Pusat Pengajian, Madrasah, NGO dan beberapa agensi hadir dalam majlis ini.

Dalam majlis ini juga, 3 anugerah khas telah diberikan kepada wakil kutipan dengan kutipan tertinggi, pengurusan zakat terbaik dan kutipan paling aktif. Anugerah-anugerah tersebut telah diserahkan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) Zakat Pulau Pinang, En. Mohamad Kairi Ghazalli.

Semoga dengan majlis sebegini dapat mengukuhkan lagi jalinan silaturahim antara Zakat Pulau Pinang, MAINPP dengan wakil-wakil kutipan zakat.



MISI BANTUAN BANJIR BALING

BALING : Satu misi bantuan dari Zakat Pulau Pinang (ZPP) yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, Dato' Amran Hazali telah menyerahkan bantuan pakaian seragam sekolah kepada pelajar-pelajar di Sekolah Kebangsaan Iboi, Baling.

Sebanyak 7,000 pasang pakaian seragam sekolah telah diagihkan ke sekolah tersebut serta sekolah-sekolah berhampiran yang terkesan akibat bencana banjir yang berlaku.





TRIVIA ZPP TAHUN 2022 TAHUKAH ANDA?

Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) Pulau Pinang

KITAB adalah lanjutan daripada sebuah Maahad Tahfiz Al-Quran (MTQ) yang ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) pada 1995 yang menawarkan Program Diploma Tahfiz Al-Quran dengan kerjasama Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. KITAB memulakan operasi sebagai sebuah IPT pada tahun 2005 berikutnya kemajuan dan perkembangan oleh MTQ yang berjaya melahirkan graduan-graduan diploma tahfiz dengan jayanya.

RM4,500,000.00

JUMLAH KESELURUHAN

**Sumbangan Zakat Pulau Pinang pada tahun 2021

Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela

zakatpenang2u.com
Portal Rasmi

zakatpenang.com
Laman Web Rasmi



SIRI 5

TRIVIA ZPP TAHUN 2022 TAHUKAH ANDA?

PUSAT LATIHAN ZAKAT (PULAZA) 2021

PULAZA yang terletak di Pantai Aceh, Balik Pulau telah dibangunkan dengan menggunakan wang sumbangan dari Yayasan Al-Bukhary. Ia bertujuan untuk menyediakan satu pusat latihan khas kepada umat Islam seperti bengkel motivasi, seminar dan lain-lain. Ianya boleh disewa pada kadar yang berpatut.

RM200,000.00

JUMLAH KESELURUHAN

**Sumbangan Zakat Pulau Pinang pada tahun 2021

Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela

zakatpenang2u.com
Portal Rasmi

zakatpenang.com
Laman Web Rasmi



SIRI 7

- ⇒ Pembayaran zakat atas talian
- ⇒ Semak rekod bayaran zakat
- ⇒ Cetakan penyata bayaran zakat
- ⇒ Skim Sakinah
- ⇒ Skim Kafalah Mahabbah



Available on the
 Get it on

Muat turun secara PERCUMA sekarang!



TRIVIA ZPP TAHUN 2022 TAHUKAH ANDA?

SUMBANGAN TAHUNAN DAN BIASISWA SEKOLAH ISLAM PULAU PINANG (SIPP) BAGI TAHUN 2021

Bantuan ini disalurkan kepada Sekolah Islam Pulau Pinang (SIPP) dalam bentuk sumbangan & biasiswa kecil melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP).

Sumbangan ini meliputi bayaran emolumen, elaun tambahan KAFA dan program-program di **25 buah SIPP** dan **206 institusi KAFA** di seluruh negeri Pulau Pinang.

RM7,423,600.00

JUMLAH KESELURUHAN

**Sumbangan Zakat Pulau Pinang pada tahun 2021

Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela

zakatpenang2u.com
Portal Rasmi

zakatpenang.com
Laman Web Rasmi



SIRI 6



TRIVIA ZPP TAHUN 2022

TAHUKAH ANDA?

PROGRAM MASA @SUNGAI NIBONG

Objektif program ini adalah untuk mewujudkan perkampungan Islam yang berdaya maju di kawasan bandar. Sebanyak **25** unit pangaspuri kos sederhana rendah Wakaf Siti Dan Hajah Norijah telah diperuntukkan bagi perlaksanaan program ini.

Ia merupakan satu program pembangunan asnaf yang holistik di mana peserta diberi bimbingan dalam aspek pembangunan fizikal, kecekapan bakat, rohani dan jati diri. Pada masa ini jumlah keseluruhan peserta ialah seramai 90 orang yang terdiri daripada 17 orang ketua isi rumah dan keluarga masing-masing.

Program naungan MAINPP ini merupakan hasil kolaborasi strategik antara ZPP, Wakaf Pulau Pinang dan ISDEV, USM.

JUMLAH PEMBIAYAAN ZPP SETAKATINI

RM165,800.00

Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela

zakatpenang2u.com
Portal Rasmi

zakatpenang.com
Laman Web Rasmi



SIRI 8



Portal zakatpenang2u.com dan Apps MaiZakat Untuk Anda



[zakatpenang](#)

KIRA, BAYAR dan SEMAK
zakat kini mudah dengan aplikasi

maizAKAT

Muat turun sekarang.
Urusan zakat kini di hujung jari.



Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela



Bantuan Permulaan ke IPT

Membantu meringankan bebanan pelajar-pelajar untuk menampung perbelanjaan awal kemaskulan ke Institusi Pengajian Tinggi (IPTA/ IPTS) dalam Negara.

[Semak Kelayakan >>](#)



Kira, Bayar & Semak zakat anda lebih mudah melalui portal

Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela



Bantuan Permulaan Ke IPT
Zakat Pulau Pinang, MAINPP

PERMOHONAN MELALUI
PORTAL

[zakatpenang2u.com](#)

1. Log masuk portal (daftar akaun sekiranya pengguna baharu)
2. Pilih 'Bantuan Zakat'
3. Pilih 'Mohon Bantuan'
4. Pilih 'Bantuan Permulaan ke IPT'

Maklumat lanjut rujuk portal

AWAS!!!

JANGAN BAYAR ZAKAT KEPADA AMIL TANPA TAULIAH

KETAHUILAH BAHWA MEMBAYAR ZAKAT KEPADA AMIL TANPA TAULIAH
ADALAH SALAH DI SISI UNDANG-UNDANG

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004

Seksyen 86.

Majlis hendaklah berkuasa memungut zakat dan fitrah daripada setiap orang Islam yang kena dibayar di dalam Negeri Pulau Pinang mengikut Hukum Syarak bagi pihak Yang di-Pertuan Agong.

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996

Seksyen 33. Pemungutan zakat atau fitrah tanpa kuasa.

Mana-mana orang yang memungut zakat atau fitrah atau menyebabkan dipungut zakat atau fitrah tanpa dia dilantik sebagai amil atau selainnya diberikuasa oleh Majlis adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau keduanya, dan mahkamah hendaklah memberitahukan supaya pungutan itu dirampas dan dibayar ke dalam kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 90 (1) Enakmen Pentadbiran.

Seksyen 34. Pembayaran tak sah akan zakat atau fitrah.

Mana-mana orang yang membayar atau menyebabkan supaya dibayar zakat atau fitrah kepada mana-mana orang yang tidak diberikuasa secara sah untuk memungut zakat atau fitrah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau keduanya.



ZAKAT PULAU PINANG MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG

No. 4, Jalan Perda Selatan, Bandar Perda, 14000 Bukit Mertajam.
[zakatpenang](#)

[zakatpenang](#)

04-5498088

Portal Rasmii
[zakatpenang2u.com](#)

Laman Web Rasmii
[zakatpenang.com](#)

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

AMRAN HAZALI
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
ZAKAT PULAU PINANG

SIDANG EDITOR

MOHAMAD FUAD
MD ISA
TIMBALAN KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF PENTADBIRAN

KETUA EDITOR

DR. HAJI MOHAMAD
SALLEH ABDULLAH
PENGURUS BESAR JABATAN
KHIDMAT PENGURUSAN

KHAIROL AZHAR ZULKIFLI
KETUA BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
ZAKAT PULAU PINANG

EDITOR

MOHAMAD FADZIL
JAMALUDDIN

JURUGAMBAR

AHMAD AZRUL HALIT/
MOHD HUSSEIN MOHD YASSEN/
SITI JAUHARAH SILAH HUDIAN